



**GARIS PANDUAN
PENGUNAAN *VIDEO CONFERENCING***

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN
INDUSTRI (MITI)**

DISEDIAKAN OLEH :
Unit Rangkaian dan Keselamatan ICT
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN	3
2. SKOP.....	3
3. PENGGUNAAN VC	3
4. PEMASANGAN VC	3
4.1 Spesifikasi Minimum Pemasangan Desktop Windows	3
4.2 Spesifikasi Minimum Pemasangan Desktop iMAC.....	4
5. MANUAL PENGENDALIAN PERISIAN VC.....	4
6. PEMASANGAN SKYPE FOR BUSINESS (SfB)	6
7. SPESIFIKASI MINIMUM PEMASANGAN PERISIAN SfB PADA TELEFON BIMBIT	7
8. KEPERLUAN CAPAIAN INTERNET.....	7
9. TATACARA SEBELUM VC	8
10. TATACARA SEMASA VC	8
11. TATACARA PENGGUNAAN VC (URUSETIA MESYUARAT)	9
12. TATACARA PENGGUNAAN VC (AHLI MESYUARAT)	9
13. BANTUAN TEKNIKAL.....	9
LAMPIRAN A : ETIKA PENGGUNAAN VIDEO CONFERENCING.....	10

1. TUJUAN

Garis panduan penggunaan *Video Conferencing* (VC) bertujuan untuk menjelaskan kaedah penggunaan sidang VC dan memastikan pelaksanaan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Pematuhan dalam penggunaan sidang video adalah penting bagi memastikan sidang video berjalan lancar dan menepati objektifnya. Garis panduan ini disediakan sebagai sumber rujukan kepada pengguna VC dalam memastikan sidang video berlangsung dengan jayanya.

2. SKOP

Garis panduan ini dirangka bagi aspek penggunaan dan pengendalian sidang VC di MITI. Ia melibatkan Ibu Pejabat MITI dan Pejabat MITI Cawangan.

3. PENGGUNAAN VC

Penggunaan VC adalah meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan VC, aktiviti mesyuarat, *live streaming*, perkakasan VC dan perkara yang berkaitan.

4. PEMASANGAN VC

Perkakasan asas VC adalah *PC/Notebook/ Mobile phone* yang mempunyai kemudahan kamera video (*webcam*) HD, mikrofon dan peralatan audio (*speaker*).

4.1 Spesifikasi Minimum Pemasangan Desktop Windows

Komponen	Keperluan minimum
<i>Computer and processor</i>	<i>Minimum 1.6 GHz or faster processor. We recommend 2.0 GHz(32 bit or 64 bit)</i>
<i>Memory</i>	<i>2GB RAM</i>
<i>Hard disk</i>	<i>3GB of available disk space</i>
<i>Display</i>	<i>PC: 1024 X 768 1024 by 768 screen resolution</i>
<i>Graphics Hardware</i>	<i>• Support for Microsoft DirectX 9 application</i>

Komponen	Keperluan minimum
	<i>programming interface (API)</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Minimum of 128 MB graphics memory</i> • <i>Windows Display Driver Model driver</i> • <i>32 bits per pixel capable format</i>
<i>Operating System</i>	<i>Windows 10, Windows 8.1, Windows 8, or Windows 7 Service Pack 1</i>
<i>Browser</i>	<i>The current version of Internet Explorer, Microsoft Edge, Safari, Chrome or Firefox</i>
<i>.NET version</i>	<i>Requires .NET 4.5 CLR</i>
<i>Data and voice</i>	<i>Minimum 1.6 GHz or faster processor. We recommend 2.0 GHz (32 bit or 64 bit)</i>
<i>Video source</i>	<i>USB 2.0 video camera</i>
<i>Meetings</i>	<i>Minimum 1.6 Ghz or faster processor. We recommend 2.0 GHz (32 bit or 64 bit)</i>
<i>Devices</i>	<i>Standard laptop camera, microphone and speakers</i>

4.2 Spesifikasi Minimum Pemasangan Desktop iMAC

Komponen	Keperluan minimum
<i>Processor</i>	<i>Intel processor, Core 2 Duo or Higher</i>
<i>Memory</i>	<i>2GB RAM</i>
<i>Hard disk</i>	<i>3GB of available disk space</i>
<i>Display</i>	<i>PC: 1280 X 800 1280 by 800 or higher resolution</i>
<i>Operating System</i>	<i>Mac OS X 10.11 El Capitan or Later</i>
<i>Browser</i>	<i>Safari 5 or later</i>
<i>Video</i>	<i>Compatible webcam</i>
<i>Voice</i>	<i>Compatible microphone and speakers, headset with microphone, or equivalent device</i>

5. MANUAL PENGENDALIAN PERISIAN VC

Manual pengendalian VC yang menggunakan perisian *Skype for Business* (SfB) adalah seperti berikut:

i. *Skype for Business* (SfB)

a. Muat turun daripada

[http://www.1govuc.gov.my/doc/SfB/SfB%20Basic%202016/Skype%20for%20Business%20Basic%20\(32-bit\).exe](http://www.1govuc.gov.my/doc/SfB/SfB%20Basic%202016/Skype%20for%20Business%20Basic%20(32-bit).exe)

b. Link untuk cara untuk install App Skype For Business

<http://www.1govuc.gov.my/doc/Pengguna/160922-SfB-Installer-Installation-Guide.pdf>

c. Link cara untuk melaksanakan multi conference dan lain-lain

[http://www.1govuc.gov.my/doc/video-tutorial/2020/SfB/SfB%20Multi%20Conference%20\(1\).mp4](http://www.1govuc.gov.my/doc/video-tutorial/2020/SfB/SfB%20Multi%20Conference%20(1).mp4)

ii. Perisian sidang video yang lain seperti *Microsoft Teams*, *BlueJeans*, *Zoom*, *GoogleMeet* dan lain-lain perisian VC boleh merujuk kepada manual terkini yang dikeluarkan oleh pengendali perisian VC. Berikut disertakan Link panduan bagi menggunakan perisian-perisian VC yang lain:

a. *Microsoft Teams*:

<https://www.microsoft.com/en-my/microsoft-365/microsoft-teams/online-meeting-solutions>

b. *BlueJeans*:

<https://www.bluejeans.com/resources/video-conferencing-guide>

c. *Zoom*:

<https://support.zoom.us/hc/en-us/articles/206618765-Zoom-Video-Tutorials>

d. *GoogleMeet*:

<https://apps.google.com/meet/>

6. PEMASANGAN SKYPE FOR BUSINESS (SfB)

Pengguna yang akan menggunakan perkhidmatan SfB perlu membuat pemasangan di komputer masing-masing mengikut jenis Sistem Operasi dan Perisian Microsoft Office iaitu seperti Jadual di bawah.

Perisian Microsoft Office/ Sistem Operasi	MS Office 2007 dan 2010	MS Office 2013	MS Office 2016	MS Office 2019 Standard	MS Office Professional & MS Office 365	MS Office for MAC
Windows XP	MS Lync Basic 2013 32-bit/ 64-bit	X	X	X	X	X
Windows 7 SP1 Windows 8/8.1	MS Lync Basic 2013 32-bit/ 64-bit	SfB Basic 2016 32-bit/ 64-bit	SfB Basic 2016 32-bit/ 64-bit	X	SfB terdapat di dalam pakej MS Office sedia ada	X
Windows 10	X	SfB Basic 2016 32-bit/ 64-bit	SfB Basic 2016 32-bit/ 64-bit	SfB Basic 2019	SfB terdapat di dalam pakej MS Office sedia ada	X
Mac OS	X	X	X	X	X	SfB for Mac

7. SPESIFIKASI MINIMUM PEMASANGAN PERISIAN Sfb PADA TELEFON BIMBIT

Spesifikasi minimum adalah seperti berikut :

- i. Android
 - Minima Android 4.4.2
 - 32MB storan
 - Minima 1GB RAM
 - WiFi/ 4G LTE Network
- ii. iOS
 - Minima iOS versi 10
 - 32MB storan
 - Minima 1GB RAM
 - WiFi/ 4GB LTE network

8. KEPERLUAN CAPAIAN INTERNET

Setiap pengguna dalam VC perlu mempunyai rangkaian INTERNET. Sekiranya sesi VC diadakan di Pejabat Menara MITI, memadai dengan menggunakan rangkaian internet yang telah disediakan di pejabat. Sekiranya sidang VC diadakan diluar pejabat, pengguna perlu menggunakan rangkaian internet sendiri, seperti TM UNIFI, MaxisONE Home, Time Broadband atau *Mobile Hotspot*. Berikut adalah keperluan minima rangkaian INTERNET mengikut bilangan pengguna dalam *Video Conference*:

<i>Call type</i>	<i>Minimum download / upload speed</i>	<i>Recommended download / upload speed</i>
<i>Calling</i>	30kbps / 30kbps	100kbps / 100kbps
<i>Video calling / Screen sharing</i>	128kbps / 128kbps	300kbps / 300kbps
<i>Video calling (high-quality)</i>	400kbps / 400kbps	500kbps / 500kbps
<i>Video calling (HD)</i>	1.2Mbps / 1.2Mbps	1.5Mbps / 1.5Mbps

<i>Group video (3 people)</i>	512kbps / 128kbps	2Mbps / 512kbps
<i>Group video (5 people)</i>	2Mbps / 128kbps	4Mbps / 512kbps
<i>Group video (7+ people)</i>	4Mbps / 128kbps	8Mbps / 512kbps

Kelajuan di atas adalah bergantung kepada kapasiti langganan talian internet. Sekiranya semua keperluan minima perkakasan, perisian dan rangkaian telah disediakan, maka VC dengan perisian SfB atau lain-lain perisian VC boleh dilaksanakan dengan mudah.

9. TATACARA SEBELUM VC

- i. Tempahan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat diadakan melalui <http://ezlinks.miti.gov.my> > Tempahan > Video Conferencing.
- ii. Memaklumkan kepada urki@miti.gov.my jenis perisian VC yang digunakan.
- iii. Membuat persiapan awal dengan memuat turun perisian VC, memohon ID login (sekiranya tiada), share link join meeting kepada ahli mesyuarat.
- iv. Melaksanakan sesi *dry run* dan pengujian awal oleh Pegawai Teknikal URKI dan Urusetia mesyuarat yang terlibat

10. TATACARA SEMASA VC

- i. Membuat pengujian peralatan VC atau aplikasi sehari sebelum mesyuarat
- ii. Setup peralatan dan perisian VC satu (1) jam sebelum mesyuarat bermula.
- iii. Urusetia memaklumkan kepada ahli mesyuarat join link meeting satu (1) jam sebelum mesyuarat bermula.

11. TATACARA PENGGUNAAN VC (URUSETIA MESYUARAT)

- i. Jemputan awal mesyuarat VC melalui emel beserta link join meeting
- ii. Tidak mendedahkan pautan mesyuarat VC kepada yang tidak berkaitan
- iii. Mengedarkan garis panduan penggunaan VC kepada ahli mesyuarat

12. TATACARA PENGGUNAAN VC (AHLI MESYUARAT)

Setiap pengguna dan ahli mesyuarat perlu mematuhi etika sidang video seperti di

Lampiran A.

13. BANTUAN TEKNIKAL

Sebarang pertanyaan berhubung isu-isu teknikal VC, sila emelkan kepada

urki@miti.gov.my.



**ETIKA
PENGUNAAN *VIDEO CONFERENCING***

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
(MITI)**

Disediakan oleh :

**Unit Rangkaian dan Keselamatan ICT
Bahagian Pengurusan Maklumat
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

ETIKA PENGGUNAAN VIDEO CONFERENCING (VC)

- a. Semua Warga MITI adalah terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Warga MITI (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 dan arahan-arahan yang berkaitan yang menjadi teras kepada keperibadian atau tatakelakuan anggota perkhidmatan awam;
- b. Warga MITI dikehendaki membuat pemakluman terlebih dahulu untuk tujuan merakam atau mengedar rakaman sepanjang komunikasi berlangsung;
- c. Prinsip penggunaan sidang video oleh Warga MITI sama ada dalam urusan rasmi ataupun peribadi adalah sama seperti yang terpakai bagi media-media yang lain;
- d. Sebarang komen mengenai isu-isu yang melibatkan agensi atau yang berbentuk serangan peribadi hendaklah dielakkan;
- e. Warga MITI perlu memastikan perkongsian dan penggunaan maklumat yang berkaitan dengan hak cipta dan harta intelek telah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan;
- f. Bahan-bahan rasmi yang hendak dimuat naik atau dikongsi hendaklah disemak dan mendapat pengesahan/kelulusan daripada pihak yang berkenaan dahulu;
- g. Warga MITI yang menggunakan sidang video perlu memastikan skrin paparan tidak mengandungi perkara-perkara yang sensitif;
- h. Warga MITI dilarang menggunakan Wifi Awam semasa menggunakan perkhidmatan yang disediakan bagi memastikan tahap keselamatan maklumat rasmi Kerajaan;
- i. Warga MITI dilarang menggunakan akaun milik orang lain, berkongsi akaun, memberikan akaun kepada orang lain, menggunakan identiti palsu atau menyamar sebagai orang lain;
- j. Warga MITI dilarang membuat sebarang pernyataan yang menyentuh perkara yang boleh menjejaskan imej dan dasar Kerajaan, sensitiviti agama, maklumat berbentuk hasutan dan lucah atau cuba memprovokasikan sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang;
- k. Warga MITI yang menggunakan sidang video dinasihatkan tidak meninggalkan perkakasan VC (PC / Notebook) tanpa dikunci apabila perlu meninggalkan sidang video semasa sesi berlangsung;

- l. Warga MITI yang menggunakan sidang video perlu memastikan mikrofon berada dalam mod senyap semasa menyertai mesyuarat. Mikrofon hanya diaktifkan apabila ingin bercakap;
- m. Warga MITI yang menggunakan sidang video perlu menepati masa dan bersedia lebih awal untuk memastikan kelancaran audio dan video peranti yang digunakan; dan
- n. Sila pastikan anda keluar apabila tamat sesi sidang video untuk mengelak serangan virus atau penggunaan ID oleh pihak yang tidak berkenaan.